

ASIMILASI BUDAYA MELAYU DALAM MASYARAKAT MALABARI MUSLIM DI MALAYSIA

Jessica Ong Hai Liaw (UPNM),

Abdul Hamid Moiden (UPNM)

ABSTRAK

Masyarakat Malabari merupakan kaum minoriti Muslim di Malaysia. Masyarakat yang berasal dari Kerala India in sudah menetap di Tanah Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Salah satu teori penyebaran Islam ke Tanah Melayu dikaitkan dengan masyarakat minoriti yang bermazhab Syafie ini. Masyarakat ini kini banyak menetap di negeri Johor, Selangor, Perak Melaka dan Pulau Pinang. Tumpuan kajian adalah untuk melihat asimilasi budaya Melayu dalam kehidupan masyarakat Malabar Muslim dengan melihat aspek sosial dan budaya yang merangkumi asimilasi komunikasi bahasa, pendidikan, pakaian tradisional, perkahwinan. Kajian ini merupakan sebuah kajian “non-experimental” yang berfokus kepada kajian lapangan dan temu bual. Data kajian dikumpul melalui temu bual dan kaji selidik. Hasil kajian menunjukkan bahasa masyarakat Malabar Muslim semakin kehilangan identiti mereka di Malaysia. Mereka mula mengasimilasikan budaya Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Makalah ini juga memberikan beberapa cadangan untuk mengekalkan identiti mereka di Malaysia dan mencadangkan pendokumentasian serta kajian lanjutan dilakukan untuk memelihara dan mempertahankan adat serta tradisi mereka agar tidak luput ditelan zaman.

Kata kunci : *Malabar Muslim, asimilasi, komunikasi, budaya Melayu*

PENGENALAN

Malaysia sebuah negara yang unik. Negara Asia Tenggara ini mewarisi kepelbagaian budaya dan etnik daripada peradaban Asia. Keunikan Malaysia terserlah dengan kepelbagaian adat dan tradisi masyarakat yang pelbagai agama, bangsa dan budaya. Tiga kelompok terbesar yang mewarnai kanvas etnisiti Malaysia adalah kaum Melayu, Cina dan India. Masyarakat multi etnik ini hidup bekerjasama bagai aur dengan tebing dan menjalin hubungan persahabatan yang utuh ibarat isi dengan kukuh. Setiap kaum bersungguh-sungguh mempertahankan adat dan tradisi mereka agar tidak lekang dek panas dan lapuk dek hujan. Perselisihan kecil dan salah faham ada ketikanya mencatat sedikit calar di atas kanvas etnik ini. Namun demikian, setiap percanggahan pendapat dan konflik perasaan diselesaikan secara diplomasi dan berhemah, ibarat kata pepatah Melayu, bagai menarik rambut dalam tepung, rambut jangan terputus dan tepung jangan berserak. Ketiga-tiga etnik ini bersatu dalam simpulan ikatan setia kawan dengan berpayungkan rukun negara dan perlembagaan Malaysia. Akhirnya, ketiga-tiga kumpulan etnik dijenamakan di bawah rumpun masyarakat majmuk sejajar dengan visi pembentukan negara bangsa. Konsep masyarakat majmuk diharap dapat mewujudkan keserasian dalam kepelbagaian dalam pelbagai kaum di negara kita.

J.S.Furnivall adalah sarjana pertama yang memperkenalkan konsep masyarakat majmuk berdasarkan kajiannya di Indonesia dan Burma. M.G. Smith (1960) pula mentakrifkan masyarakat majmuk sebagai masyarakat yang mempunyai pelbagai budaya, perpecahan sosial dan perselisihan. Menurut Van Den Berghe (2001), membezakan majmuk sosial dalam masyarakat dengan membahagikan masyarakat kepada beberapa kelompok korporat dan bukannya budaya. Pemajmukan budaya iaitu wujud daripada beberapa kelompok etnik. Asimilasi selalunya berlaku dalam kelompok masyarakat majmuk. Ketika proses asimilasi berlaku etnik majoriti menguasai etnik minoriti.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengetahui sejarah masyarakat Malabar di Kerala, India.
2. Mengenal pasti asal-usul masyarakat Malabari di Malaysia.
3. Menghuraikan asimilasi budaya dalam masyarakat Malabari di Malaysia.

METODOLOGI


Kajian ini berbentuk kajian ‘non-experimental’. Kajian berbentuk lapangan ini merujuk bahan-bahan sejarah di beberapa Perpustakaan seperti di Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tun Seri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia UKM) dan Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur. Selain itu, sampel temu bual dipilih dalam kalangan masyarakat Malabari di negeri Johor dan negeri Sembilan. Seramai empat orang telah ditemu bual dalam masa dua bulan itu dari bulan Oktober hingga Disember 2018. Kajian ini memberikan gambaran jelas tentang sejarah, asal-usul masyarakat dan asimilasi budaya masyarakat Malabari dengan masyarakat Melayu di Malaysia. Kajian ini akan merintis jalan untuk lebih banyak kajian lanjutan, pembentangan kertas kerja dan penulisan buku tentang asimilasi budaya dan masyarakat Malabari.

ASILIMASI


Istilah asimilasi berasal daripada kata Latin, ‘*assimilare*’ yang bermaksud “menjadi sama” (D. Hendropuspito, 1989). Dalam bahasa Inggeris asimilasi disebut sebagai ‘*assimilation*’. Dalam bahasa Melayu disebut sebagai asimilasi. Asimilasi berlaku secara beberapa peringkat dalam mengambil tempoh waktu yang lama (Paul B. Horton Chester L. Hunt. 1990). Proses-proses ini mengurangkan sedikit demi sedikit perbezaan dalam kelompok masyarakat sehingga terbentuknya asimilasi. Proses ini dikenali sebagai proses peleburan. Asimilasi terbentuk apabila budaya kaum minoriti dikuasai oleh budaya kaum majoriti. Kaum minoriti akan kehilangan jati diri dan identiti bangsa mereka kepada kaum majoriti.

Harrold Abramson (1994) mentakrifkan asimilasi sebagai proses yang membawa kepada peningkatan kesamaan dalam masyarakat. J. Milton Yinger (1985) pula mendefinisikan asimilasi sebagai mengurangkan perbezaan yang mungkin berlaku apabila dua atau lebih masyarakat atau kumpulan budaya yang lebih kecil bertemu. Ketika asimilasi kumpulan etnik minoriti mengamalkan budaya kumpulan majoriti.

Jenis-jenis asimilasi



Rajah 1: Asimilasi Sehala



Rajah 2 : Asimilasi Dua Hala

(Hamidah, 2009)

Asimilasi mewujudkan dua kesan kepada masyarakat. Pertama, masyarakat yang menerima

asimilasi kehilangan budaya dan identiti mereka. Mereka akan berubah budaya kepada kelompok yang baru. Peringkat kedua pula, masyarakat yang diasimilasikan akan mempraktikkan kebudayaan hasil percantuman kebudayaan minoriti dengan kebudayaan masyarakat majoriti dan kedua-dua kumpulan menerima sebahagian antara satu sama lain. Proses asimilasi sehalu (lihat rajah 1) dan proses asimilasi dua hala (lihat rajah2)

PENGERTIAN MELAYU

Asmah Hj Omar (1993) menyatakan bahawa istilah Melayu digunakan dalam pengertian yang luas dan sempit. Dalam pengertian yang luas, istilah ini merujuk kepada bangsa Austronesia yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan yang secara tradisional disebut gugusan pulau Melayu, termasuklah Indonesia. Dalam pengertian yang luas, UNESCO (1972) menggunakan nama Melayu merujuk kepada suku bangsa di Semenanjung, termasuklah orang-orang Melayu di Thailand, Indonesia, Filipina dan Madagascar. Istilah Melayu juga merujuk kepada suku bangsa yang menuturkan bahasa Melayu. kelompok masyarakat ini tinggal di Semenanjung Tanah Melayu, pantai timur Sumatera dan Brunei. Bahasa suku ini adalah bahasa Melayu yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan di negara Malaysia dan dikenali sebagai bahasa Indonesia di negara Indonesia.

ASAL-USUL MALABARI

Menurut Forbes (1991) kawasan pantai Malabar telah menerima kedatangan pedagang Arab sejak zaman awal permulaan Islam. Kerala antara negara yang terletak di kawasan pantai Malabar telah didatangi oleh pedagang Arab sejak permulaan Islam lagi.

Raja Cheraman Perumal yang merupakan raja terakhir kerajaan Chera telah belayar ke Tanah Arab untuk memeluk agama Islam. Pada waktu itu, orang Arab telah menjalin hubungan perdagangan yang erat dengan negeri Malabar. Pedagang-pedagang Arab membawa barangan dari Malabar ke Yemen dan Hejaz melalui Teluk Parsi. Hazarmouth di Yemen adalah pasaran Arab terkenal untuk barangan dari Malabar. Menurut catatan sejarah terdapat dua orang yang raja telah belayar ke Tanah Arab untuk memeluk Islam. Raja pertama memeluk Islam dihadapan Nabi Muhammad SAW. Nama Islamnya, Tajuddin. Ketika dalam pelayaran pulang ke Malabar baginda mangkat dan para pengikutnya telah menyebarkan Islam di Malabar. Sebuah kumpulan pendakwah Islam dibawah pimpinan Sheikh Saharuddin Bin Taqiyuddin telah sampai di Malabar setelah melaat Gunung Adam di India. Raja Banapperumal yang mendapat berita ini, telah menjemput mereka ke istana dan menanyakan tujuan kedatangan mereka ke Malabar. Pendakwah-pendakwah memceritakan asas-asas agama Islam kepada baginda. Baginda tertarik dengan keistimewaan dan keunikan agama Islam dan menyertai kumpulan pendakwah ini ke India untuk menganut agama Islam. Baginda yang berusia 57 tahun telah bertemu Nabi Muhammad SAW dan telah menganut agama Islam dan mula mempelajari asas-asas Islam. Dalam perjalanan pulang ke Malabar, beliau telah gering dan mangkat. Selepas kemangkatan baginda, Sharif Bin Malik, Malik Bin dinar dan Malik Bin Habib meneruskan perjalanan ke Malabar dan mereka mendarat di Kadungallur. Malik Bin Dinar membina masjid di Kadungallur sebagai pusat ibadat dan penyebaran dakwah Islam.

Miller (1991) dalam kajiannya ke atas masyarakat Malabar menyatakan bahawa komuniti 'Mapilla', telah wujud di Kerala sebelum Islam sampau di Utara India iaitu sebelum Muhammad Kassim menawan Sind pada 93-95 Hijara/ 711-713 Masihi.

Beliau menyatakan:

Perdagangan Arab dengan Malabar telah berlangsung selama berabad-abad lamanya sebelum kedatangan Islam lagi, dan menjadi semakin rancak pada abad ke-4 M, lalu berlanjutan sehingga zaman pemodenan Eropah. Pedagang-pedagang Arab Islam telah membawa kepercayaan anutan mereka ke Kerala, di mana sebahagiannya menetap dan berkahwin dengan masyarakat penduduk tempatan Malayali. (Miller, 1991: 458).

Kedatangan serta penyebaran Islam di Malabar telah melahirkan satu komuniti Malabar Muslim di Malabar. Komuniti Malabar ini telah berhijrah secara tiga peringkat ke Tanah Melayu dan membentuk masyarakat Malabar Muslim Malaysia.

MASYARAKAT MALABARI DI MALAYSIA

Di Malaysia, masyarakat Melayu dan multi etnik yang lain belum lagi mengenali masyarakat Malabari ini secara lebih dekat. Mereka selalu mengandaikan masyarakat Malabar Muslim sebagai India Muslim. Kenyataan dan andaikan ini adalah meleset sama sekali. Dalam catatan sejarah tempatan, masyarakat ini hanya dikenali di beberapa tempat sahaja. Salah satunya adalah tentang teori kedatangan Islam dari wilayah Malabar.

Masyarakat Malabari dikategorikan di bawah kelompok India Muslim di Malaysia. Kaum India Muslim di Malaysia merupakan sebuah komuniti minoriti dalam kalangan Muslim di Malaysia. Mengikut perangkaan daripada keseluruhan populasi Muslim di Malaysia, mereka adalah etnik Muslim kedua terbesar selepas Melayu. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Tiada perangkaan khusus untuk masyarakat Malabari. Masyarakat ini merupakan kaum minoriti yang tinggal di di negeri Johor, Selangor, Melaka dan Pulau Pinang. Masyarakat yang dahulunya berasal dari Kerala ini bermazhab syafie dan bertutur bahasa Malayalam. Di Kerala masyarakat ini dikenali dengan panggilan 'Mappila'. 'Mappila' adalah panggilan untuk masyarakat Malabar yang beragama Islam.

Masyarakat India Muslim yang asalnya berasal dari Tamil Nadu manakala masyarakat Malabar Muslim berasal dari Kerala. Walaupun Tamil Nadu dan Kerala dari segi geografinya ditakrifkan sebagai India Selatan, namun kedua-dua negeri ini mempunyai adat, bahasa dan corak hidup yang berbeza sama sekali.

Kedatangan golongan India ke Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Di peringkat pertama, mereka datang ke Tanah Melayu sebagai saudagar, pedagang, pengembara dan pembekal senjata. Golongan ini telah berada di Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light (Sandhu 1969). Orang India Islam daripada golongan saudagar dikatakan telah berada di Pulau Pinang pada sekitar tahun 1770 (Omar Yusoff, 2005). Kapitan Keling telah mengahwini seorang wanita Melayu dari Batu Uban, Pulau Pinang. Sejak tahun 1736 beliau telah menetap di Batu Uban (Omar Yusoff, 2005).

Peringkat kedua, iaitu sekitar tahun 1787 peringkat kedatangan golongan India adalah sebagai kaum buruh yang bekerja di ladang seperti, seperti ladang lada hitam (1790), tebu (1830), kopi (1870), getah (1877) dan yang bekerja dengan kerajaan British. Ramai buruh ini telah berkahwin dengan gadis tempatan. (Sandhu 1969).

Menurut Azharuddin (2008), kedatangan India Muslim ke Tanah Melayu adalah secara sendirian dan bukannya melalui sistem Kangany British. Mereka tidak melibatkan diri dalam kegiatan perladangan sebaliknya lebih tertumpu di kawasan bandar-bandar utama dalam perniagaan kecil-kecilan seperti makanan, emas, pakaian, kedai runcit, buku dan majalah serta perniagaan pertukaran wang. Keadaan ini berterusan sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Fakta ini juga dipersetujui oleh beberapa penyelidik contohnya seperti Nagata yang menjelaskan bahawa:

Untuk menjaga kepentingan perdagangan dan kemahiran mereka, kebanyakan India Muslim cenderung untuk bertumpu di kawasan bandar, seperti yang dinyatakan, ia berbeza dengan buruh Hindu yang lebih bertumpu di ladang.

Sekitar tahun 1789, Pulau Pinang telah dijadikan sebagai tempat pembuangan banduan dari India. Mereka yang telah melakukan kesalahan membunuh, merompak, kesalahan politik ditempatkan di Pulau Pinang. Pesalah-pesalah yang dijatuhi hukuman tujuh tahun dan ke atas ditempatkan di Pulau Pinang. Banduan ini bawa dari pelbagai tempat di India seperti dari Bengal, Gujerat, Malabar dan Tamil Nadu. Sejak 1860, ramai banduan yang telah tamat menjalani hukuman tidak pulang ke negara asal mereka. Mereka menjadikan Pulau Pinang sebagai negara baru mereka. Hal ini terjadi kerana banduan-banduan ini

sudah sebatian dengan corak kehidupan masyarakat setempat di Pulau Pinang. Dalam erti kata lain, mereka telah mengalami asimilasi budaya. (McNair 1899). Ramai dalam kalangan mereka berkahwin dengan wanita tempatan. Mereka juga menceburi bidang perniagaan seperti membuka kedai runcit, memelihara lembu, menjadi buruh dan bekerja dengan kerajaan British. (McNair 1899).

Jadual 1: Ali Keluarga India-Muslim yang paling Awal Tiba di Malaysia

Tempat lahir responden	Moyang	Datuk	Bapa/Ibu	Responden sendiri	Adik-beradik
Malaysia	29	38	40	40	-
India Selatan	6	18	80	80	6
India Utara	1	6	11	11	1
Pakistan	-	-	2	2	3
Bangladesh	2	-	2	2	-
Tempat lain	1	-	1	1	-
Jumlah (%)	36 (13.0)	62 (22.5)	136 (49.3)	32 (11.6)	10 (3.6)

(Jaafar, 1990)

Setakat hari ini belum ada sebarang bantuan dilakukan oleh kerajaan Malaysia terhadap masyarakat India Muslim secara khusus dari aspek bahasa dan ekonomi. Maka, makalah ini hanya menjadikan kajian Jaafar pada tahun 1987 hingga 1990 yang bertajuk, '*Sosio-ekonomi Masyarakat India Muslim di Malaysia*' sebab rujukan tunggal. Data-data dalam kajian beliau membantu penulisan makalah ini

Jadual 2: Tarikh Ahli Keluarga India Muslim yang Paling Awal Tiba di Malaysia

Etnik	Sebelum 1990	1901-1920	1921-1940	1941-1960	Selepas 1960
Tamil	35	43	61	70	4
Malayalam	3	7	9	4	1
Punjabi	1	2	1	-	-
Hindi	1	1	6	1	-
Pakistan	3	3	6	2	-
Lain-lain	4	-	5	3	-
Jumlah (%)	47 (17.0)	56 (20.3)	88 (31.9)	80 (29.0)	5 (1.8)

(Jaafar, 1990)

Dapatan kajian Jaafar (1990), menunjukkan rata-rata masyarakat India Muslim di Malaysia bertutur bahasa Tamil, Malayalam, Hindi dan Punjabi. Berdasarkan fakta di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kebanyakan India Muslim di Malaysia berasal dari Tamil Nadu dan Kerala. Masyarakat India yang berbahasa Malayalam berasal dari Kerala.

Tidak terdapat sumber-sumber yang merekodkan kawasan penempatan masyarakat Malabar di Malaysia pada masa sekarang atau pada zaman dahulu. Namun demikian, melalui temu bual didapati bahawa mereka menetap di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia seperti di Johor, Melaka, Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Kuala Lumpur dan Perak.

Antara bukti kesan daripada kedatangan suku Malabar Muslim ini ialah wujudnya 'Kampung Malabar', di sekitar Jalan Transfer dan Masjid Malabar di Jalan Pantai, Pulau Pinang adalah satu bukti kewujudan masyarakat Malabar di Pulau Pinang (Mohamed, 2001). Persatuan Malabari Malaysia (PMM) adalah pertubuhan yang bertindak sebagai badan induk bagi komuniti Malabari Muslim di Malaysia. Bangunan persatuan mereka adalah terletak di alamat seperti berikut: 19A, Persiaran Desa Ampang 1, Taman Sri Ampang, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan; 160-3-5, Kompleks Maluri, Jalan Jejaka, Taman Maluri 55100 Cheras, Kuala Lumpur. Terdapat juga beberapa persatuan Malabari yang turut berpengaruh selain daripada persatuan di atas iaitu 'Persatuan Kerala Muslim Jamaat' yang terletak di

Selayang, Selangor.

Sebahagian besar komuniti Malabari Muslim boleh dijumpai di Negeri Johor. Jemaah Malabar Muslim Negeri Johor di bawah pimpinan Tuan Haji Maidin Bin Hussein banyak menganjurkan pelbagai aktiviti untuk masyarakat Malabar Muslim di Negeri Johor seperti Pertandingan Bacaan Maulud, Sambutan Maulud Nabi, Pertandingan Tilawah al-Quran, Kuiz Pendidikan Islam dan Bantuan Ibu Tunggal dan Anak-anak Yatim pada bulan Ramadan setiap tahun. Bangunan persatuan ini terletak Jamaat Malabar Muslim Johor, No 176, Wisma Jemaah Malabar, Jalan Belimbing Satu, 81400 Senai, Johor Darul Takzim

ASIMILASI BUDAYA MASYARAKAT MALABARI

Masyarakat Malabari Muslim telah mengalami asimilasi budaya dalam bahasa, adat dan makanan. Bahasa, adat dan makanan mereka telah dipengaruhi oleh budaya masyarakat Melayu yang merupakan kaum majoriti di negara kita

Bahasa

Ketika asimilasi kumpulan-kumpulan minoriti ini kehilangan elemen-elemen budaya seperti bahasa asal mereka (Eitzen & Zinn, 1988). Bahasa masyarakat Malabari adalah bahasa Malayalam. Bahasa Malayalam yang terdiri daripada 56 huruf adalah salah satu daripada 22 bahasa rasmi India. Bahasa ini menjadi bahasa perbualan 36 juta penduduk dunia. Bahasa ini telah dinobatkan sebagai bahasa rasmi di Kerala yang terletak di India Selatan. Bahasa ini tergolong dalam rumpun bahasa Dravidia. Empat bahasa Dravidia yang terbesar yang tersebar luas di wilayah Selatan India iaitu Telugu, Tamil, Kannada dan Malayalam Bahasa Malayalam berasal daripada bahasa Tamil. Menurut Caldwell bahasa Tamil, Malayalam, Kannadam, Telugu, Tulu dan Kodagu adalah bahasa yang sangat mantap dan sempurna. Bahasa Tamil banyak mempengaruhi bahasa Malayalam. Selain itu, kesan pengaruh golongan Namboothiri dalam perkembangan kebudayaan di Kerala, hubungan perdagangan masyarakat Kerala dan penjajahan Portugis ke atas Kerala turut mempengaruhi perkembangan bahasa ini.

Masyarakat Mappilai (*Malabar Kerala*) telah mencipta tulisan Arab Malayalam. Tulisan Arab Malayalam menggunakan abjad-abjad bahasa Arab untuk menulis Malayalam. Bahasa Arab yang mempunyai 28 huruf telah digunakan untuk menghasilkan 53 fonem Malayalam dengan meletakkan titik tambahan di atas atau di bawah huruf tanpa mengubah bentuk huruf. Bahasa ini sama seperti tulisan Jawi yang menggunakan bahasa Arab untuk penulisan.

Menurut Cikgu Sulaiman Moiden, Exco Pendidikan Jemaah Malabar Muslim Negeri Johor dalam temu bual bersamanya, menyatakan bahawa kebanyakan generasi remaja dan kanak-kanak pada masa kini tidak fasih bertutur bahasa Malayalam. Hal ini demikian kerana, ibu bapa di rumah tidak bertutur dalam bahasa Malayalam kepada anak-anak mereka Keengganan ibu bapa ini menutup peluang anak-anak mereka untuk mempelajari bahasa Malayalam. Selain itu, segelintir ibu bapa malu dan tidak mahu bertutur dalam bahasa Malayalam kerana mereka hidup dalam komuniti Melayu. Sebagai contoh, mereka tinggal di kawasan majoriti orang Melayu. Anak-anak mereka bersekolah di sekolah Melayu, berkawan rapat dengan anak-anak Melayu serta terlibat dalam aktiviti kebudayaan Melayu. Asimilasi budaya Melayu telah mempengaruhi bahasa pertuturan mereka. Mereka beranggapan bertutur bahasa Malayalam memberikan persepsi negatif terhadap diri mereka dalam kalangan masyarakat Melayu.

Di samping itu, menurutnya lagi bahasa Malayalam tidak diajar sebagai sebuah bahasa di negara kita. Kursus jangka pendek kelas bahasa Malayalam tidak ditawarkan di mana-mana institusi bahasa. Bahasa Malayalam juga tidak diajar di madrasah-madrasah Malabari di negeri Johor. Kitab-kitab yang digunakan di madrasah-madrasah kelolaan Jemaah Malabar Muslim di negeri Johor bukan dalam bahasa Malayalam sebaliknya dalam bahasa Arab Malayalam. Bahasa Malayalam adalah bahasa rasmi negeri Kerala, manakala bahasa Arab Malayalam adalah bahasa Malayalam yang dipengaruhi oleh tulisan Arab. Pelajar-pelajar di madrasah-madrasah ini fasih bertutur Malayalam dan membaca Arab Malayalam. Beliau mencadangkan kepada ibu bapa yang ingin anak-anak mereka menguasai bahasa Malayalam agar menghantar anak-anak ke madrasah selepas waktu persekolahan atau pada hujung minggu. Beliau memiliki visi untuk memperkenalkan bahasa Malayalam di madrasah-madrasah di bawah Biro Pendidikan Jemaah

Malabar Muslim Negeri Johor.

Asimilasi bahasa telah berlaku, iaitu bahasa Melayu telah menjadi bahasa perbualan utama masyarakat Malabar Muslim di Malaysia. Sekiranya fenomena ini berterusan maka kaum Malabari akan kehilangan jati diri dan identiti mereka.

Adat

Adat dan tradisi ketika anak akil baligh merupakan satu perkara istimewa dalam kehidupan masyarakat Malabar Muslim. Apabila seorang kanak-kanak perempuan akil baligh, dia tidak akan dibenarkan keluar dari rumah 10-15 hari oleh keluarganya. Jiran tetangga akan meraikan kanak-kanak perempuan yang baru akil baligh. Mereka akan melawat kanak-kanak perempuan tersebut dengan membawa pelbagai buah tangan seperti buah-buahan, telur, susu dan manisan. Ibu, nenek dan kakak memberikan pelbagai nasihat berguna kepada kanak-kanak ini seperti berpakaian kemas, menjaga tutur kata dan bersopan-santun ketika berbual dengan orang yang lebih tua. Selain itu, hukum-hakam agama seperti perkara-perkara yang diharamkan ketika uzur turut diterangkan secara terperinci.

Dari segi makanan pula kanak-kanak ini akan diberikan minum telur mentah yang dicampur dengan minyak bijan selama dua minggu. Minyak bijan dipercayai mampu menguatkan tulang belakang dan menguatkan pinggang. Mereka juga diberikan pelbagai jenis sup herba dan masakannya disediakan dengan menggunakan minyak sapi yang bermutu tinggi.

Biasanya pada hari ke-10, setelah kanak-kanak itu bersih daripada hadas besar satu majlis yang hanya dihadiri sanak-saudara terdekat diadakan untuk meraikan kanak-kanak perempuan tersebut. Kepala kanak-kanak disapu minyak bijan dan seluruh badannya disapu kunyit. Ibu atau nenek akan mengajarkan kanak-kanak tersebut cara-cara mandi wajib. Sabun tradisional yang diperbuat daripada kacang hijau yang digiling bersama kulit pokok pulai digunakan untuk mandi. Serbuk '*siakkah*' digunakan sebagai syampu rambut. Kanak-kanak itu akan dimandikan di sungai. Seterusnya, kanak-kanak itu dipakaikan pakaian baru dan barangan kemas. Majlis doa selamat akan diadakan pada waktu malam.

Menurut Puan Alimah Abu Bakar, budaya ini kini telah mengalami asimilasi. Hal ini demikian kerana kebanyakan kanak-kanak ini bersekolah dan ibu bapa pula bekerja. Anak-anak terlibat dengan aktiviti kokurikulum dan kelas tambahan. Perbuatan mengurung anak selama 10-15 hari tanpa interaksi dengan masyarakat luar akan menimbulkan tekanan perasaan dalam jiwa kanak-kanak. Selain itu, persepsi masyarakat terutama jiran tetangga perlu dipertimbangkan. Kanak-kanak perempuan yang akil baligh akan berehat selama dua atau tiga hari dan ibu akan menemani anak di rumah. Seterusnya anak-anak akan meneruskan rutin kehidupan seperti biasa. Beberapa budaya Melayu seperti memberikan hadiah kepada kanak-kanak yang akil baligh masih diamalkan dalam masyarakat Malabar Muslim. Adat-adat ketika akil baligh tidak lagi diamalkan sekarang. Adat ini telah mengalami asimilasi. Kini akil baligh telah menjadi perkara biasa dalam masyarakat Malabari. Tahap pendidikan, persekitaran serta perubahan corak hidup mendorong masyarakat Malabari melihat akil baligh secara perubahan dalam diri yang dialami oleh semua kanak-kanak perempuan.

Makanan

Makanan tradisional masyarakat Malabari adalah cerminan jati diri bangsanya. Makanan tradisional ini menjadi juadah wajib dalam kebanyakan majlis seperti majlis perkahwinan, majlis tahlil, maulid dan ketika sambutan Hari Raya. Antara makanan tradisional Malabari adalah patri, puttu dan pelbagai jenis appam. Kebanyakan makanan tradisional ini diperbuat daripada tepung beras.

Patri diperbuat daripada tepung beras, garam dan air. Semua bahan ini diadun dan ditebarkan tanpa minyak dan dipanaskan. Juadah ringkas ini sangat mudah disediakan. Hidangan ini lazimnya disajikan dengan kari daging atau ayam. Puttu adalah satu lagi makanan tradisional masyarakat Malabari. Ramuan yang diperlukan untuk menyediakan puttu adalah tepung beras, kelapa parut, air gula dan buluh. Bahan-bahan ini dicampur dan kemudiannya diuli dengan kelapa yang dicampur dengan gula dan akhirnya dimasukkan ke dalam bekas buluh yang dibalut dengan secebis kain. Buluh itu kemudiannya diletakkan di

atas air yang mendidih. Puttu lazimnya dihidangkan dengan pisang dan gula.

Masyarakat Malabari mengemari appam. '*Vella appam*' merupakan sejenis appam yang disediakan daripada tepung bras, kelapa, garam dan air. Kesemua bahan ini digaul dan kemudian diuli sehingga sebatu. Vella appam adalah sejenis makanan yang digoreng. Appam ini dihidangkan dengan kari ayam dan daging. Masyarakat Malabari menyediakan '*chakra chore*'; (nasi manis) untuk meraikan Nisfu Syaaban. Hampir setiap rumah menyediakan juadah ini. Bahan-bahan yang diperlukan untuk menyediakan '*chakra chore*' ini ialah beras India, gula melaka, kayu manis, kelapa dan gajus. Kesemua bahan tadi dicampurkan dengan beras dan ditanak di atas api sehingga masak. Juadah ini turut dibawa ke majlis doa Nisfu Syaaban di surau atau masjid untuk hidangan para jemaah.

Menurut Ustaz Syed Ali makanan tradisi Malabari semakin dipinggirkan dalam kalangan masyarakat Malabar. Hal ini demikian kerana, generasi muda tidak pandai memasak makanan tradisi masyarakat Malabari. Selain itu, beliau turut menyalahkan generasi terdahulu yang tidak mengajar anak-anak cara menyediakan makanan tradisional. Menurut beliau lagi, anak-anak muda Malabari tidak mengenali makanan tradisional bangsanya.

Beliau dalam temu bualnya memuji usaha Puan Aminah yang menyediakan perkhidmatan menyediakan patri dengan harga yang berpatutan untuk pelbagai majlis. Beliau menyatakan kekagumannya kepada Puan Aminah yang cuba mempertahankan tradisi makanan masyarakat Malabari ini. Generasi muda, lebih menggemari masakan tradisional Melayu seperti nasi lemak, lemak dan kuih-muih. Kini kebanyakan majlis di rumah mahupun di surau-surau Malabari makanan tradisional ini sukar didapati. Asimilasi turut berlaku dalam makanan tradisional masyarakat Malabari.

Puan Aminah dalam temu ramahnya menyatakan kesudian beliau untuk mengajar generasi muda menyediakan pelbagai resipi makanan yang diwarisi daripada nenek dan ibunya. Menurutnya, pelbagai perkakas elektronik yang moden mampu mempercepatkan penyediaan makanan tradisional seperti puttu dan appam. Beliau juga mengesyorkan persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan Malabari mengadakan kursus masakan jangka pendek kepada masyarakat Malabari dan masyarakat multi etnik di negara kita.

KESIMPULAN

Masyarakat Malabari sedang mengalami asimilasi budaya yang serius. dalam bidang bahasa, adat dan makanan tradisional. Pelbagai langkah perlu diambil untuk membendung asimilasi budaya ini. Di antara langkahnya adalah melalui peranan ibu bapa. Ibu bapa perlu memperkenalkan budaya masyarakat Malabari sejak kecil kepada anak-anak mereka ibarat kata pepatah Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Namun satu persoalan menerjang gawang pemikiran adalah bagaimana hendak mendidik anak-anak sekiranya ibu bapa sendiri tidak mengetahui budaya bangsanya? Jawapannya, ibu bapa haruslah mencari alternatif terbaik dengan menghantar anak-anak ke kelas kebudayaan masyarakat Malabari. Kelas-kelas ini akan memberikan pendedahan dan pencerahan kepada anak-anak tentang warisan tradisi mereka. Pendedahan ini akan mencetuskan naluri penerokaan dalam jiwa kanak-kanak ini. Mereka akan mula berusaha meneroka kebudayaan bangsa mereka.

Selain itu, pertubuhan dan persatuan Malabari perlu mengadakan pelbagai kelas seperti kelas bahasa Malayalam, kelas kebudayaan dan pelbagai aktiviti kebudayaan. Kelas-kelas ini haruslah diadakan pada hujung minggu atau sewaktu musim cuti sekolah. Tenaga pengajar tempatan yang berkelayakan atau tenaga pengajar profesional patut diundang dari Kerala, India. Di samping itu, pertubuhan dan persatuan ini juga perlulah bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan di Kerala untuk perkongsian pintar pelbagai maklumat dari aspek kebudayaan. Jalinan kerjasama ini boleh diperkukuhkan melalui seminar, bengkel dan lawatan dua hala dari semasa ke semasa.

Di samping itu, Jemaah Malabar Muslim Negeri Johor (JMMNJ) perlulah memperkenalkan kelas bahasa Malayalam di 17 buah madrasah di bawah kelolaan mereka di Negeri Johor. Perkara ini tidak mustahil dilakukan kerana JMMNJ merupakan sebuah pertubuhan yang berpengaruh di Johor. Sumbangan serta komitmen JMMNJ dalam menegakkan syiar serta menyebarkan syiar Islam di Negeri Johor terutamanya dalam kalangan masyarakat Malabari tidak boleh diperkecil dan disangkal oleh mana-mana pihak. JMMNJ melalui Biro Pendidikan perlu membentuk satu sukatan pelajaran pendidikan bahasa Malayalam untuk pelajar-pelajar madrasah di Negeri Johor. Sukatan pelajaran ini mestilah sukatan pelajaran yang ringkas dalam bentuk nota dan multimedia. Pengaplikasian multimedia penting untuk

pengajaran bahasa Malayalam di madrasah-madrasah ini. Biro Pendidikan boleh membentuk satu pasukan penggubal sukatan pelajaran bahasa Malayalam yang terdiri daripada pakar pedagogi, pakar bahasa Malayalam dan pakar multimedia. Guru-guru dari Kerala yang menjadi tenaga pengajar utama di kebanyakan madrasah di negara kita pasti mampu memberikan sumbangan yang bermakna dalam menjayakan visi ini. Sukatan pelajaran yang lengkap haruslah dikongsi dengan individu, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan di seluruh Malaysia. Bahasa Malayalam menjadi tonggak utama dalam mempertahankan kebudayaan masyarakat Malabari. Bak kata pepatah Melayu, hilang bahasa hilanglah bangsa.

Di samping itu, pelbagai pihak seperti individu, persatuan, pertubuhan dan syarikat-syarikat korporat Malabar perlulah menggembeng usaha dalam pendokumentasian sejarah masyarakat Malabari ini. Pendokumentasian dalam bentuk buku dan kertas kerja penting untuk rujukan generasi pada masa hadapan. Selain itu, pendokumentasian juga akan menggalakkan lebih banyak penulisan kertas kerja, tesis dan latihan ilmiah tentang masyarakat ini. Pendokumentasian juga boleh dilakukan dalam bentuk filem pendek. Filem pendek ini haruslah dimuat naik dalam pelbagai cabang media seperti 'Youtube' dan disebar luas melalui aplikasi 'WhatsApp' untuk tontonan umum. Ini pastinya membekalkan pelbagai informasi tentang masyarakat ini kepada masyarakat majmuk di negara kita.

Asimilasi budaya adalah satu fenomena dalam setiap masyarakat. Asimilasi yang sudah berlaku tidak boleh diperbaiki atau diperbetulkan lagi. Namun demikian, pelbagai langkah efisien boleh diambil untuk mengelakkan asimilasi serius pada masa hadapan. Setiap bangsa perlu mempertahankan kebudayaan bangsanya agar menjadi warisan kepada generasi akan datang. Hilang kebudayaan, hilanglah jati diri bangsa.

RUJUKAN

JURNAL

- Abramson, Harold J. (1994). Assimilation and pluralism, p. 150-160 in Stephan. Thernstorn. Harvard encyclopedia of American ethnic groups. Cambridge: Belknap Press of Harvard University Press.
- Forbes A. D. W. (1991). Malabar. Dlm. Bosworth, C. E. (Pnyut.). The Encyclopaedia of Islam Jil. 6. Leiden: E. J. Brill pp: 206-207
- Miller R. E. (1991). Mapilla. Dlm. The Encyclopaedia of Islam. Vol. 4., E. J. Brill, pp. 458-466.
- Omar Y. & Noriah M. (2010). Daripada Jawi peranakan kepada Melayu: tinjauan terhadap komuniti Jawi peranakan di Pulau Pinang pada abad ke-21. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu 28 (2): 63-82
- Yinger, J. Milton. 1985. Ethnicity p. 151-80 in Ralph H. Turner and James F. Short, Jr., eds., Annual Review of Sociology, vol. 11. Palo Alto, Calif.: Annual Reviews.

BUKU

- D. Hendropuspito. (1989). Sosiologi semantik. Yogyakarta: Kanisius.
- Eitzen, D. S. and M. B. Zinn.(2001). In conflict and order: Understanding society. Boston: Allyn and Bacon
- Furnivall, J. S.(1948). Colonial policy and practice: A comparative study of Burma and Netherlands India. Cambridge: Cambridge University Press.
- McNair, J.F.A. (1899). Prisoners their own warders: A record of convict prison at Singapore in the Straits Settlement Established 1825, Discontinued 1873, Together with a cursory history of the convict establishment at Bancoolen, Penang and Malacca from the year 1979. London: Archibald Constable
- Paul B. Horton Chester L. Hunt. (1990). Sosiologi, terj. Aminuddin Ram edisi IV. Jakarta: Erlangga.
- Sandhu, K.S. (1969). Indians in Malaya: Some aspects of their immigration and settlement, 1786-1957. Cambridge: Cambridge University Press.

- Smith, M. G. (1960) Social and cultural pluralism in social and cultural pluralism in the Caribbean. V. Rubin, Ed. *Annals of the New York Academy of Sciences* 83:P,763-799.
- Van den Berghe, P.L.(2001). *Sociology of racism*. International Encyclopedia of Social and Behavioral Sciences. Elsevier

BAB DALAM BUKU

- Mohamed S.N. (2001). Indian Muslims in Penang: role and contributions. Dalam. *Colloquium on: Indians in Penang - a Historical Perspective*, Penang Heritage Trust, pp.: 4-6

TEMU BUAL

- Alimah, A.B. Asimilasi budaya Melayu dalam masyarakat Malabari di Malaysia. *Temu bual*, 21 November , di Skudai, Johor Bahru.
- Maidin H. 2018. Asimilasi budaya Melayu dalam masyarakat Malabari di Malaysia. *Temu bual*, 18 November, di Senai, Johor Bahru.
- Sulaiman, M. Asimilasi budaya Melayu dalam masyarakat Malabari di Malaysia. *Temu bual*, 20 November , di Skudai, Johor Bahru.
- Syed Ali, M. Asimilasi budaya Melay dalam masyarakat Malabari di Malaysia. *Temu bual*, 15 Disember, di Seremban, Johor Bahru.

